

Gaji RM1,050 khianati pekerja

Kosmo 07/09/2018 MS 03

Oleh SAIRUL ZAMRI MISRANI

KUALA LUMPUR – Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC) mendakwa kerajaan Pakatan Harapan (PH) mengkhianati golongan berpendapatan rendah atau mereka yang berada dalam kumpulan B40 apabila hanya menaikkan gaji minimum daripada RM1,000 kepada RM1,050.

Ketua Setiausahaannya, J. Solomon berkata, pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) lalu, PH mendesak kira-kira 14 juta pekerja untuk menyokong parti tersebut dengan janji manifestonya pendapatan maksimum pekerja sebanyak RM1,500 sebulan.

“Hak asasi manusia yang paling asas bagi warga B40 terang-terang dilanggar walaupun sudah mempunyai kerajaan baharu,” katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Solomon mengulas mengenai pengumuman kerajaan bahawa

gaji minimum akan diseragamkan pada kadar RM1,050 sebulan atau bersamaan RM5.05 sejam berkuat kuasa 1 Januari 2019.

“Peningkatan sebanyak RM50 daripada RM1,000 adalah jumlah yang terlalu kecil kepada buruh manakala kenaikan RM130 bagi Sabah dan Sarawak masih berada di bawah garis kemiskinan iaitu RM1,180 di Sabah.

“Selepas penangguhan selama 18 bulan dalam semakan pertama dan satu lagi penangguhan selama enam bulan dalam semakan kedua yang bersamaan 24 bulan menunjukkan sikap tidak mengendahkan pekerja miskin dengan kenaikan gaji minimum ini,” kata katanya lagi.

Menurutnya, golongan pekerja dan buruh pada PRU-14 sanggup mengundi PH dengan harapan gabungan itu dapat membela nasib seperti yang dijanjikan.

“Bagi MTUC, kerajaan Pakatan Harapan telah mengecewakan pekerja miskin,” tegasnya.



SOLOMON



CHARLES



MTUC dan Ahli Parlimen Klang mempertikaikan kenaikan gaji minimum hanya sebanyak RM50 di Semenanjung Malaysia dan RM130 di Sabah dan Sarawak kepada RM1,050. – Gambar hiasan

Dalam pada itu, Ahli Parlimen Klang, Charles Santiago dalam satu kenyataan di Facebooknya semalam berkata, kenaikan gaji minimum RM50 bagaikan menghinakan golongan pekerja.

“Oleh kerana gaji minimum akan disemak setiap dua tahun, semakan seterusnya akan ber-

laku pada tahun 2020 dan 2022.

“Dengan kenaikan RM50 tahun ini, mustahil kerajaan boleh naikkan gaji minimum kepada RM1,500 dalam tempoh masa



Gaji minimum RM1,050 dilaksanakan Januari 2019

KERATAN *Kosmo!* semalam.

INFO Golongan B40

- Turut dikenali sebagai kumpulan 40 peratus terendah dalam piramid pendapatan
- B40 merupakan golongan isi rumah berpendapatan RM3,860 dan ke bawah sebulan
- Sehingga 2017, terdapat kira-kira 2.7 juta golongan B40 dengan 71 peratus daripadanya adalah bumiputera
- Kerajaan menyasarkan untuk menggendakan pendapatan kumpulan isi rumah B40 menjelang tahun 2020 terutama dari aspek penyalaraan kenaikan gaji minimum
- RM1,000 gaji minimum ditetapkan untuk pekerja di Semenanjung Malaysia dan RM920 bagi Sabah dan Sarawak bermula Julai 2012 berbanding sebelumnya, RM800 bagi Sabah dan Sarawak dan RM900 bagi Semenanjung Malaysia
- Kelmarin, kerajaan Pakatan Harapan mengumumkan paras kenaikan gaji minimum kepada RM1,050 berkuat kuasa 1 Januari 2019

lima tahun ini, seperti yang dijanjikan dalam kempen pilihan raya,” kata pemimpin DAP itu.

Dalam pada itu, Charles menggesa pentadbiran Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad untuk mengkaji semula gaji minimum RM1,050 yang diumumkan kelmarin.